

PBT diarah sedia laksana 4 inisiatif

Oleh Azman Zakaria
dan Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan Menteri Besar, Ketua Menteri dan menteri untuk memastikan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) bersedia melaksanakan empat inisiatif baru untuk menambah baik sistem penyampaian mulai 14 Jun ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu ada memberi alasan mereka belum bersedia melaksanakan empat inisiatif meningkatkan sistem penyampaian PBT diumumkankannya 13 April lalu, kerana ia akan dimulakan hanya 13 hari lagi.

“Dalam mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Fizikal Negara di Putrajaya semalam (kelmarin), yang dihadiri semua Menteri Besar, Ketua Menteri dan beberapa menteri, saya memberitahu mereka semua supaya melaksanakannya mengikut jadual.

“Kita mahu mereka panggil ketua jabatan, semak dan pastikan semuanya disusun rapi untuk pelaksanaan itu,” katanya berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL), di sini, sempena lawatan kerja sehari ke Kuala Lumpur, semalam.

Abdullah berkata, ia bagi memastikan tidak timbul sebarang kesulitan boleh mengecewakan rakyat yang meletak harapan tinggi, selepas kerajaan mengumumkan memperbaiki sistem penyampaian PBT itu dua bulan lalu.

Pada 13 April lalu, beliau mengumumkan empat inisiatif baru untuk menambah baik sistem pentadbiran PBT bagi mengurangkan kerenah birokrasi, sekali gus meningkatkan mutu sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Empat inisiatif itu ialah penubuhan pusat sehenti (OSC) di setiap PBT, Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) bagi menggantikan sistem Sijil Layak Menduduki (CFO), pengubalan Akta Bangunan dan Harta Bersama yang akan mewujudkan fungsi Pesuruhjaya Bangunan sebagai perantara antara pemilik unit strata dengan pihak pengurusan bangunan, serta pelancaran rasmi Konsep Bina Dan Jual.

Perdana Menteri turut melahirkan rasa gembira dengan pembangunan, keindahan dan kebersihan Kuala

Lumpur, tetapi ia belum mencukupi dan perlu diperhebatkan lagi.

Beliau berkata, pegawai dan kakitangan DBKL mesti membuat perancangan rapi membangunkan ibu kota bukan saja untuk rakyat tempatan, tetapi juga mengambil kira pengunjung luar dengan memastikan ia sebagai tempat yang selamat dan selesa dikunjungi atau didiami.

Ketika berucap ketika melawat Projek Perumahan Rakyat Intan Baiduri, Kepong Utara, Perdana Menteri mahu rakyat pelbagai kaum di negara ini sentiasa hidup dalam rukun damai dengan mengamalkan toleransi dan tidak menimbulkan isu yang

boleh menyakitkan hati kaum lain.

Katanya, kesederhanaan, saling menghormati dan bersatu antara rakyat adalah rahsia kejayaan Malaysia sejak merdeka 50 tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, setiap kali beliau ditanya rahsia kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa, jawapan diberikannya ialah: “Kita semua hormat menghormati, cara kita sederhana, kita memahami perpaduan itu penting.”

Sementara itu, pada majlis taklimat dan melawat pameran lima projek di Jalan Cheras bagi melancarkan pergerakan trafik, Abdullah berkata, semua lebuh raya pada dasarnya perlu menyediakan laluan khas untuk motosikal bagi mengurangkan jumlah kemalangan membabitkan golongan itu negara ini.

Katanya, langkah itu dijangka dapat membantu mengurangkan sebahagian besar nahas jalan raya di negara ini membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.

“Dengan adanya laluan khas motosikal itu, dapat mengurangkan jumlah kemalangan dan memang ada dasar kerajaan menetapkan semua lebuh raya baru perlu ada lorong khas untuk motosikal,” katanya.

BH - 2/6/2007

FAKTA NOMBOR

Projek PPR

24

Diluluskan

32,762

Unit di Kuala Lumpur